

01 JUN 2000

T.Kemang-Corak (Fokus)/I

BN PERLU TUMPU LEBIH PERHATIAN DI LIMA KAWASAN

Oleh: Arul Rajoo

PORT DICKSON, 1 Jun (Bernama) -- Jika corak pengundian pada pilihan raya umum lepas boleh dijadikan panduan, Barisan Nasional (BN) nampaknya perlu menumpukan lebih perhatian sedikit di lima pusat pengundian dan undi pos dalam menghadapi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang pada 10 Jun ini.

Memandangkan kawasan itu kawasan selamat bagi BN sejak 1974, tidak terdapat banyak isu tempatan atau nasional yang mampu menjejaskan peluang BN mengekalkan kerusi itu, cuma persoalannya ialah bagi mendapatkan majoriti yang lebih besar.

Ketika mempertahankan kerusi itu pada pilihan raya umum November lepas, majoriti BN dipercayai terjejas akibat isu-isu seperti wabak Japanese encephalitis (JE) dan Nipah, jika dilihat kepada jumlah undi yang diperolehi di lima kawasan.

Calon BN pada pilihan raya lalu S.A. Anpalagan memperoleh 27,112 untuk menewaskan calon DAP, N. Gobalakrishnan yang menerima 17,170 undi. Anpalagan, yang memang dengan majoriti 9,942, meninggal dunia pada 28 April lepas.

Pada pilihan raya kecil ini calon BN, S.Sothinathan ditentang oleh Ruslan Kasim daripada Keadilan.

Kedudukan kaum dan aktiviti ekonomi penduduk di kawasan ini juga dipercayai mempunyai kesan kepada corak pengundian.

Kawasan Teluk Kemang yang meliputi 806 km persegi itu mempunyai 113,000 penduduk, dengan kumpulan terbesar terdiri daripada orang Malayu yang berjumlah kira-kira 63,000, diikuti Cina (43,000), India (25,700) dan kaum lain (kira-kira 1,000).

Terdapat 106 buah kampung traditisi, 11 pukan, 58 kawasan perumahan, 22 estet dan enam perkampungan Orang Asli di kawasan itu.

Menurut statistik, kakitangan kerajaan merupakan tenaga kerja terbesar dengan jumlah 9,000, diikuti oleh 5,000 yang bekerja di hotel dan kilang dalam kawasan yang terkenal sebagai destinasi percutian ini.

Terdapat juga kira-kira 3,700 peniaga kecil, 500 nelayan, 6,000 pekebun kecil pelapa sawit dan getah, 2,000 pekerja ladang, 152 penternak dan kira-kira 200 penanam padi dan sayur.

Port Dickson dahulunya merupakan pengeluar terbesar babi di negara ini tetapi wabak JE dan Nipah mengakibatkan penutupan ladang-ladang itu.

Post-mortem oleh BN menunjukkan majoritinya berkurangan kepada 9,942 pada pilihan raya umum lepas berbanding dengan 22,077 pada 1995. Calon BN, Dr L. Krishnan memperoleh 32,415 undi manakala P. Tangasamy daripada DAP mendapat 10,338 undi.

Beberapa faktor termasuk masalah dalam Umno ekoran pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan kerajaan, wabak JE dan Nipah, selain faktor Anpalagan sebagai bukan orang tempatan, dikatakan menyumbang kepada kekurangan majoriti itu.

Perjuangan pekerja ladang selama 30 tahun untuk mendapat gaji secara bulanan mungkin juga memberi kesan kepada perkaa itu.

Berasaskan keputusan di setiap pusat pengundian, BN menang di 39 daripada 44 pusat pada pilihan raya umum lepas.

Bagi pilihan raya kecil ini, BN nampaknya perlu menumpukan perhatian di lima kawasan lagi itu, iaitu di Pengkalan Kempas, Bukit Pelandok, Sungai Nipah, Taman Indah dan Kuala Lukut. Kecuali Pengkalan Kempas, kawasan lain

itu semuanya terlibat dengan wabak JE dan Nipah.

BN juga menang dengan majoriti tipis di Teluk Kemang, Ladang Atherton, Kampung Arab, Pekan Port Dickson dan Kampung Paya.

Satu lagi faktor yang memerlukan perhatian BN ialah undi pos. Kawasan itu mempunyai 5,005 pengundi pos, kebanyakannya dari beberapa kem tentera di Port Dickson.

Pada pilihan raya umum lepas Anpalagan mendapat 1,874 undi pos, Gobalakrishnan 730 manakala 327 undi lagi rosak.

Para pemimpin parti komponen BN tempatan percaya Sothinathan akan menang dengan majoriti yang meyakinkan kali ini memandangkan hampir semua faktor yang dipercayai menyumbang kepada kekurangan majoriti itu kini tidak lagi relevan.

Mereka berkata Anwar tidak lagi menjadi isu manakala krisis kepimpinan dalam Keadilan sebagaimana yang ditonjolkan pada laman-laman web reformasi boleh mengubah kecenderungan pengundi kepada BN.

Bagi penternak babi, kerajaan telah mengeluarkan RM113 juta sebagai bayaran pampasan dan hampir semua pembayaran sudah selesai dilakukan. Penternak lembu yang terjejas akibat wabak itu, juga akan menerima bayaran pampasan mereka.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas bahawa kerajaan telah bersetuju pada dasarnya kepada gaji bulanan untuk pekerja ladang adalah kena pada masanya dan diterima dengan baik oleh pekerja itu di sini.

Selain itu, imej Sothinathan sebagai anak tempatan merupakan satu faktor yang boleh membantu beliau, berbanding dengan Ruslan yang pada pilihan raya umum lepas telah ditolak oleh mengundi di kawasan asalnya di Kuala Pilah.

-- BERNAMA

AR RM NMO